

Sama ada Samirah dan dua remaja dibebas atau diperintah bela diri

Oleh **NOOR AZLIDA ALIMIN**
SHAH ALAM

Keputusan kes bunuh CEO Cradle Fund hari ini

Selepas hampir tiga tahun perbicaraan kes bunuh Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Cradle Fund, Nazrin Hassan berlangsung di Mahkamah Tinggi di sini, nasib sama ada Samirah Muzaffar dan dua remaja dibebaskan atau diperintah membela diri atas pertuduhan itu akan diketahui hari ini.

Hakim, Datuk Ab Karim Ab Rahman menetapkan jam 9 pagi untuk keputusan akhir-kes pendakwaan, selepas mendengar hujah kedua-dua pihak pada 2 April lalu.

Mahkamah sebelum ini menetapkan 30 Mei untuk keputusan tersebut.

Jika mahkamah memutuskan wujud

kes prima facie terhadap ketiga-tiga tertuduh, mereka akan dipanggil untuk membela diri.

Bagaimanapun, jika keputusan memihak kepada pembelaan, wanita dan dua anaknya itu akan dilepas serta dibebaskan daripada pertuduhan tersebut.

Pada 14 Februari lalu, pihak pendakwaan menutup kes selepas memanggil 57 saksi termasuk abang dan kakak si mati, Dr Abdul Aziz, Dr Malek Reedzwan dan Che Elaine; Pengarah Jabatan Bomba Kuala Lumpur, Edwin Galan Anak Teruki; Pegawai



NAZRIN

45 (ketika kejadian), di sebuah rumah di Mutiara Damansara antara jam 11.30 malam pada 13 Jun 2018 dan 4 pagi, 14 Jun 2018.

Forensik Patologi Hospital Kuala Lumpur, Dr Siew Sheue Feng dan Dr Prashant Sanberker serta pengawal keselamatan kediaman si mati, Raju Kumar Pandit.

Perbicaraan bermula pada 6 September 2019.

Isteri Nazrin iaitu Samirah, 47, bersama dua remaja masing-masing berusia 19 dan 16 tahun serta seorang warga Indonesia yang masih bebas, Eka Wahyu Lestari didakwa membunuh Nazrin,



KRONOLOGI KES

14 Jun 2018 - Nazrin ditemui maut dalam kebakaran di rumah teres di Mutiara Damansara, sehari sebelum Aidilfitri

14 Jun 2018 - Mesej tular daripada keluarga Nazrin mendakwa letupan telefon bimbit yang sedang dicas di bilik mangsa menjadi punca kebakaran itu berlaku

15 Jun 2018 - Jenazah Allahyarham Nazrin selamat dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Seksyen 6, Kota Damansara

16 Jun 2018 - Pengurusan Cradle Fund juga mendakwa punca kecederaan disebabkan letupan telefon bimbit di sebelah mangsa

25 Jun 2018 - Laporan forensik mengesahkan ada kesan petrol pada tubuh, katil, tilam dan telefon bimbit mangsa

6 Ogos 2018 - Kes diklasifikasikan sebagai kes bunuh mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan berdasarkan laporan bomba serta laporan bedah siasat

14 Ogos 2018 - Isteri Allahyarham Nazrin dakwa siasatan polis tidak telus termasuk laporan media tidak konsisten dengan laporan bedah siasat Jabatan Perubatan Forensik Hospital Kuala Lumpur

4 September 2018 - Isteri Allahyarham Nazrin dan bekas suami pertamanya direman tujuh hari bagi membantu siasatan

7 September 2018 - Bekas suami kepada isteri Allahyarham Nazrin dibebaskan

9 September 2018 - Dua remaja direman tujuh hari bagi membantu siasatan

10 September 2018 - Polis mendapat perintah mahkamah untuk melanjutkan tiga hari tempoh tahanan reman isteri Allahyarham Nazrin

1 Oktober 2018 - Mahkamah Rayuan Putrajaya membenarkan kubur Allahyarham Nazrin digali semula supaya bedah siasat kedua dapat dijalankan

8 Oktober 2018 - Jenazah Allahyarham Nazrin digali semula untuk proses bedah

siasat kali kedua di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM)

15 Oktober 2018 - Jenazah Allahyarham Nazrin dikebumikan semula di Tanah Perkuburan Seksyen 6 Kota Damansara

4 Mac 2019 - Balu Allahyarham Nazrin, Samirah Muzaffar serta dua remaja didakwa di Mahkamah Majistret Petaling Jaya, atas pertuduhan membunuh

12 Mac 2019 - Samirah dan dua remaja ketika itu berusia 16 dan 13 tahun didakwa di Mahkamah Tinggi Shah Alam, bersama-sama warga Indonesia, Eka Wahyu Lestari, dengan niat melakukan pembunuhan sehingga menyebabkan kematian Nazrin, di sebuah rumah di Mutiara Homes

27 Mac 2019 - Mahkamah Tinggi Shah Alam membenarkan jaminan masing-masing RM50,000 dengan dua penjamin terhadap dua remaja lelaki itu

11 April 2019 - Samirah gagal dalam permohonannya mendapatkan jaminan di Mahkamah Tinggi Shah Alam

28 Mei 2019 - Mahkamah Persekutuan Putrajaya membenarkan Samirah dibebaskan dengan ikat jamin RM500,000 oleh dua penjamin serta memenuhi syarat tambahan, sementara menunggu perbicaraan kes bunuh yang dihadapinya

6 September 2019 - Perbicaraan di Mahkamah Tinggi Shah Alam di hadapan Hakim Datuk Ab Karim Ab Rahman, berhubung kes bunuh Nazrin bermula

30 Julai 2021 - Permohonan semakan syarat ikat jamin semasa PKP sahaja

14 Februari 2022 - Pihak pendakwaan menutup kes

22 April 2022 - Mahkamah menetapkan keputusan kes pada 30 Mei 2022

19 Mei 2022 - Tarikh baharu keputusan sama ada Samirah dan dua remaja itu dibebaskan atau diperintah membela diri ditetapkan pada 21 Jun

Pasukan pendakwaan dianggotai Timbalan Pendakwa Raya, Mohd Asnawi Abu Hanipah, Tengku Intan Suraya Tengku Ismail dan Nur Sabrina Abu Bakar manakala pembelaan terdiri daripada peguam Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah serta Rahmat Hazlan.

Nasib sama ada Samirah dan dua remaja dibebaskan atau diperintah membela diri atas pertuduhan itu diketahui hari ini.